




JPK



## MEMO



CIAST

### PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST) JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

RUJUKAN : PLPKL/SA/10/82 (2.c)

TARIKH : 11 Februari 2010

PERKARA : ARAHAN PENGURUSAN CIAST BIL. 6 TAHUN 2010 POLISI ICT CIAST	
DARIPADA : Pengarah	SALINAN :
KEPADА : Semua Kakitangan CIAST MELALUI : TP, KP/KB	Ketua Pengarah JPK

#### 1. TUJUAN

Tujuan arahan ini adalah untuk memaklumkan dan menjelaskan kepada semua kakitangan CIAST berkaitan dengan polisi penggunaan komputer dan sistem rangkaian yang disediakan kepada semua kakitangan CIAST.

#### 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Program Pembelajaran Elektronik & Multimedia (PEM) bertanggungjawab menyediakan kemudahan ICT kepada kakitangan CIAST. Kemudahan peralatan ICT yang disediakan bertujuan untuk membantu kakitangan melaksanakan tugas harian dengan lebih cekap, cepat dan berkesan.
- 2.2 Merujuk kepada panduan yang ditetapkan oleh MAMPU pada tahun 2001, CIAST telah memperkemaskan Polisi ICT untuk dijadikan panduan dan dipatuhi oleh semua kakitangan CIAST.
- 2.3 Pihak Pengurusan telah menetapkan Polisi ICT CIAST seperti dilampirkan berkembar dengan tujuan supaya dapat mengawal dan merancang agihan kemudahan peralatan ICT dengan lebih berkesan.
- 2.4 Ia juga bagi memastikan setiap kakitangan mendapat kemudahan peralatan ICT yang dapat menyokong aktiviti pentadbiran, pengajaran & pembelajaran serta penyelidikan & pembangunan dengan lebih baik.

### **3. ARAHAN**

3.1 Semua kakitangan adalah bertanggungjawab mengambil maklum mengenai tanggungjawab ke atas penggunaan komputer yang telah diagihkan serta mempastikan Polisi ICT CIAST dipatuhi sepenuhnya.

3.2 Semua kakitangan hendaklah mengambil maklum dan mematuhi mengenai perkara-perkara yang dilarang apabila menggunakan kemudahan sistem rangkaian CIAST.

### **4. TARIKH KUATKUASA**

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

### **5. PENUTUP**

Kerjasama tuan/puan adalah dipohon bagi memastikan Polisi ICT CIAST dipatuhi sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"Kerana Mu Malaysia Maju"**

  
**(GHAZLAN BIN GHAZALI )**  
Pengarah CIAST,  
Shah Alam,  
**SELANGOR**



CIAST

PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST)  
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

**POLISI PENGGUNAAN KOMPUTER DAN SISTEM RANGKAIAN**

**TANGGUNGJAWAB PENGGUNA**

Semua Pengguna Komputer dan Sistem Rangkaian di CIAST dikehendaki mematuhi perkara-perkara berikut:-

- 1- Memahami dan mematuhi semua polisi keselamatan untuk semua pengguna sistem rangkaian.
- 2- Bertanggungjawab terhadap pengguna perkakasan, perisian dan maklumat di bawah jagaannya bertujuan untuk urusan rasmi sahaja.
- 3- Merahsiakan kata laluan persendirian, fail-fail dalam komputer serta penggunaan akaun pengguna, data dan program aplikasi.
- 4- Mengelakkan atau menghadkan penggunaan akaun pengguna dan komputer serta capaian sistem rangkaian untuk kepentingan peribadi.
- 5- Bertanggungjawab ke atas keselamatan konfigurasi dan pengoperasian komputer di bawah jagaannya apabila menggunakan perkhidmatan capaian Internet (seperti WWW atau FTP) melalui sistem rangkaian.
- 6- Menggunakan sistem komputer, 'peripherals', perisian, sistem rangkaian, kemudahan e-mail dan capaian Internet bagi tugas rasmi sahaja.
- 7- Bertanggungjawab ke atas segala pengedaran maklumat yang dikeluarkan dalam apa jua perhubungan elektronik.
- 8- Bertanggungjawab ke atas perkakasan, perisian dan peralatan yang terdapat dalam sistem rangkaian serta dilarang dari mengubah konfigurasi sistem rangkaian Jabatan.
- 9- Semua cadangan untuk menambah atau mengubah samada peralatan rangkaian atau sistem aplikasi seperti pendawaian atau penggunaan sambungan 'wireless' dan perisian perlulah mendapat khidmat nasihat dan kelulusan daripada Ketua Program PEM.

## LARANGAN KEPADA PENGGUNA

Semua pengguna Sistem Rangkaian CIAST adalah dilarang:

1. Menyalin, menyebar, berkongsi atau mendedaharkan kata laluan pengguna, maklumat sensitif dan terhad atau kata laluan untuk capaian sistem rangkaian. Sebarang cubaan untuk menceroboh sesuatu kata laluan adalah satu tindakan yang melanggar polisi ini.
2. Menerima, menyimpan dan menyebar bahan-bahan berunsur lucuh, ancaman dan apa jua bahan yang bertentangan dengan dasar CIAST dan Kerajaan atau yang boleh mengganggu pengguna sistem rangkaian dan yang mungkin memberi kesan negatif kepada CIAST.
3. Mengubah atau menghapus maklumat atau data kepunyaan pengguna lain.
4. Menyalin atau memasukkan perisian atau aplikasi ke dalam mana-mana komputer dalam sistem rangkaian tanpa kebenaran. Pengguna perisian yang tidak diluluskan, yang mungkin akan mengubah konfigurasi atau 'setup' asal di dalam komputer dan menyebabkan ketidakstabilan perisian asal adalah dilarang.
5. Menggunakan 'external storage' (disket/thumbdrive/CD) persendirian pada komputer dalam sistem rangkaian tanpa memastikan ianya bebas daripada ancaman seperti virus yang boleh merosakkan komputer dan rangkaian.
6. Memuat turun bahan dari Internet yang bertentangan dengan dasar CIAST dan Kerajaan.
7. Membaca, menghapus, mengubah atau menyalin e-mail pengguna lain tanpa kebenaran.
8. Mencipta dan menyebar bahan-bahan yang berunsur negatif atau maklumat palsu melalui e-mail atau perkongsian fail.
9. Membenarkan pengguna lain menyalahgunakan kemudahan sistem rangkaian yang telah dipertanggungjawabkan kepadanya.
10. Mengubah nama 'domain' sistem rangkaian, alamat IP sesuatu perkakasan dalam sistem rangkaian dengan tujuan untuk menyamar sebagai pihak lain semasa membuat capaian Internet atau rangkaian atau tujuan-tujuan lain.
11. Memperolehi atau cuba untuk memperolehi sebarang bahan yang dihantar secara elektronik kepada pengguna lain. Pengguna sistem rangkaian juga dilarang dari cubaan untuk memintas atau memeriksa bahan yang dihantar melalui sistem rangkaian.
12. Meminda sebarang konfigurasi atau 'setup' dalam komputer, sistem rangkaian termasuk peralatan yang terdapat dalam sistem CIAST.
13. Menggunakan kemudahan sistem rangkaian untuk melanggar atau menceroboh polisi keselamatan sistem rangkaian.
14. Mengubah, menceroboh atau menambah rangkaian, capaian internet atau pekakasan seperti modem dan sebagainya tanpa kebenaran daripada Ketua Program PEM. Pengguna yang menggunakan modem sendiri juga tertakluk kepada polisi ini.

**Nota:**

Pengagihan komputer adalah berdasarkan keperluan penggunaannya. Pihak PEM berhak mengambil, menukar atau mengagih semula kepada pengguna lain sekiranya pengguna asal telah berpindah ke tempat lain dan pengguna tersebut hendaklah memaklumkan kepada pihak PEM sekiranya telah berpindah ke tempat lain.

Penggunaan alamat email persendirian tidak dibenarkan dalam urusan rasmi.

Polisi ini tertakluk kepada *Malaysian Public Sector Management of ICT Security Handbook* (MyMIS) yang dikeluarkan oleh MAMPU pada tahun 2001.